

Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam Berbanding Pendekatan Moden dalam Melestarikan Negara

Saleh Hashim¹, Amalina Abdullah²

¹ *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*

² *Universiti Putra Malaysia*

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.05.0065>

Received: 15 August 2019

Reviewed: 14 September 2019

Accepted: 30 October 2020

Abstrak

Idea kelestarian telah muncul pada masa ini bertujuan untuk membendung implikasi ekonomi, sosial dan alam sekitar yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Keadaan ekonomi, sosial dan alam sekitar telah terjejas oleh sikap manusia sendiri yang hanya mengejar keuntungan peribadi tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Idea kelestarian yang dikemukakan Laporan Brundtland menyatakan bahawa gabungan faktor kestabilan alam sekitar, sosial dan ekonomi menyumbang kepada kelestarian. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang keberkesanan teori tersebut masih berterusan kerana kehidupan manusia masih lagi terjejas oleh isu kelestarian yang lama seperti pemanasan global, jurang kekayaan, kemiskinan, dan keburlan. Kertas ini mengutarakan pendekatan kelestarian Islam sebagai alternatif yang memberi penekanan kepada faktor insaniah (manusia) yang mempunyai jiwa, akal dan fikiran dalam menangani permasalahan kelestarian ini. Perspektif Islam ini menggariskan peranan manusia yang bertanggungjawab dengan prinsip-prinsip berikut iaitu: i) adil (*adl*); ii) cemerlang (*ihsan*); iii) nilai sosial (*arham*); dan iv) tidak melakukan kerosakan (*fasad*) dalam menguruskan institusi negara. Berdasarkan prinsip-prinsip ini, manusia dapat menjaga sesebuah negara dengan berlaku adil, melaksanakan pengurusan yang cemerlang, menjaga kebajikan orang lain, dan tidak melakukan kerosakan agar dapat menjaga kelestarian negara pada masa akan datang.

Kata kunci: Kelestarian, Pembangunan Lestari, Alam Sekitar

Abstract

The emergence of sustainability ideas aims to systematically tackle economic, social and environmental challenges that affect the people's quality of life. Economic, social and environmental systems have been adversely affected by those who solely pursue personal gain in the long run but at the expense of the wellbeing of others. The idea of sustainability, drawn from the widely known Brundtland Report, states that a combination of environmental, social and economic pillars contribute to sustainability. However, the debate on the effectiveness of the theory continues as global populations are still affected by long-standing sustainability issues, such as global warming, persistent wealth inequality, poverty and food deprivation or hunger. This paper adds to the discussion on Islamic sustainability as an avenue emphasising the soft factor (i.e. human) that encompasses the soul, mind and intelligence ('aql) in addressing sustainability problems. This Islamic perspective defines the roles of responsible human beings with the following principles, namely: i) fairness ('adl); ii) expertise (ihsan); iii) the highest sense of human understanding (arham); and iv) not spreading mischief and moral corruption (fasad) in rebellion to God when managing national institutions. Based on these principles, human beings may manage a country fairly, implement expert management, take care of the welfare of others and do no harm in order to maintain sustainability of the country in the future.

Keywords: Sustainability, Sustainable Development, Environment